

MODUL SEJARAH TINGKATAN 4

TARIKH: 11 OGOS 2021

TAJUK: BAB 8 - PILIHAN RAYA

OBJEKTIF:

1. Murid dapat mengetahui perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu.
2. Murid mempelajari proses Pilihan Raya Umum
3. Mempelajari penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.
4. Mempelajari kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu

NOTE:

Latihan ini merupakan tugas online yang menilai tahap penguasaan murid terhadap BAB 8. Markah yang pelajar milik setelah melengkapkan latihan ini akan direkodkan dalam Pentaksiran Bilik Darjah.

Sebelum menjawab latihan ini, murid perlu membuat bacaan daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku rujukan dan internet. Jangan stress, kalau rasa penat atau letih rehatlah dulu bantu keluarga apa yang patut. Jika keadaan sudah ok, bolehlah sambung buat latihan ini tapi jangan dibiarkan tugas ini menjadi bangga,, 😊😊😊😊😊



Latihan Pengukuhan

PAK-21

LAMARAN WEB

Soalan Diagramatik

1 Tuliskan BETUL atau SALAH pada pernyataan berikut. Buku Teks ms. 196 & 197

Pernyataan	Jawapan
(a) Pelaksanaan Pilihan Raya Persekutuan selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
(b) Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Raya bertujuan untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang pelaksanaan Pilihan Raya Persekutuan.	
(c) Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diperkenalkan pada tahun 1952.	
(d) Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town bertujuan untuk memilih 10 orang ahli.	
(e) Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bertujuan merebut 12 kerusi di kawasan tersebut.	


Laman Web

○○○



Layari https://ms.wikipedia.org/wiki/Pilihan_Raya_Perbandaran_Kuala_Lumpur_1952 untuk mengetahui Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952.

2 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Buku Teks ms. 200 & 201


3 Lengkapkan maklumat berkaitan dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1948. **Buku Teks** ms. 204

- (a) 52 orang ahli _____ dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu.
- (b) Tiga orang *ex officio* yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam _____.
- (c) Sembilan orang _____ yang mewakili sembilan buah Majlis Negeri.
- (d) Dua orang wakil _____, iaitu Melaka dan Pulau Pinang.
- (e) 11 orang ahli rasmi dalam kalangan _____.

4 Namakan tokoh-tokoh yang terlibat dalam pelantikan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955.

Buku Teks ms. 206

i-THINK Peta Bulatan





Latihan Bestari SPM

Kertas 1

Jawab semua soalan.

- 1 Pada tahun 1950, Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan telah diwujudkan. Mengapakah pilihan raya tersebut diwujudkan?
- Mencadangkan penubuhan parti politik
 - Menggalakkan rakyat terlibat dalam pilihan raya
 - Mewujudkan persempadanan kawasan pilihan raya
 - Mengadakan pilihan raya

Buku Teks ms. 196

- 2 Perikatan UMNO-MCA telah memenangi pilihan raya negeri pada tahun 1954. Apakah kepentingan kemenangan tersebut?
- Pengorbanan pemimpin
 - Pengiktirafan terhadap pemimpin
 - Proses demokrasi di Tanah Melayu
 - Penerimaan rakyat terhadap kerjasama kaum

Buku Teks ms. 197

- 3 Pasangan manakah yang betul tentang syarat untuk menjadi pengundi dan syarat untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

Pilihan Jawapan	Syarat Menjadi Pengundi	Syarat Menjadi Calon
A	Berumur 21 tahun ke atas	Berumur 21 tahun ke atas
B	Berpengetahuan dalam bahasa Melayu	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris
C	Rakyat British dan warganegara	Warganegara sahaja
D	Tidak tinggal di Tanah Melayu	Bermastautin selama sebulan di Tanah Melayu

Buku Teks ms. 200

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Penentuan sempadan kawasan pilihan raya
- Pendaftaran pengundi
- Penamaan calon
- X

Apakah X?

- Pengiraan undi
- Kempen pilihan raya
- Semakan kelayakan pengundi
- Penyerahan logo parti bertanding

Buku Teks ms. 200

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

Negara kita telah melalui satu perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara.

Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan?

- Pentadbiran kerajaan diambil alih oleh tokoh tempatan
 - Hak istimewa orang Melayu dijaga oleh Pesuruhjaya Tinggi British
 - Pemusatan kuasa di tangan Ketua Menteri
 - Kuasa pegawai British beransur dipindahkan kepada rakyat tempatan
- I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV

Buku Teks ms. 204

- 6 Tokoh berikut merupakan antara ahli kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Dr. Ismail Abdul Rahman
- H.S. Lee
- Sardon Jubir
- V.T. Sambanthan

Bagaimanakah pemilihan ahli kabinet tersebut?

- Melalui pilihan raya
- Pelantikan oleh Ketua Menteri
- Lantikan Pesuruhjaya Tinggi British
- Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong

Buku Teks ms. 206

- 7 Antara peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu ialah menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster. Mengapakah model tersebut dipilih?
- A Berasaskan demokrasi terpimpin
 - B Demokrasi mengikut Britain
 - C Sistem raja monarki
 - D Berasaskan sistem republik

Buku Teks ms. 206

- 8 Gambar 1 merupakan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.



Gambar 1

(Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4, ms. 207)

Apakah kepentingan pembentukan kabinet tersebut kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Selaras dengan dekolonisasi British
- B Pemilihan pemimpin oleh rakyat
- C Kejayaan pelaksanaan Sistem Ahli
- D Pilihan raya bebas

Buku Teks ms. 207

- 9 Antara yang berikut, yang manakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- I Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- II Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
- III Menghalau British dari Tanah Melayu
- IV Mengharamkan Parti Komunis Malaya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks ms. 207

- 10 Kejayaan Parti Perikatan memenangi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan disebabkan oleh manifesto yang mantap. Apakah manifesto tersebut?
- I Mewajibkan pendidikan untuk semua kaum
 - II Menjaga hak asasi manusia
 - III Mewujudkan hak istimewa orang Melayu
 - III Mengurangkan penggunaan bahasa penjajah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks ms. 219